

21 JUL 1997

Abdullah-Pasifik

MALAYSIA TAK BERNIAT PENGARUHI NEGARA LAIN, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Malaysia tidak berniat untuk mempengaruhi negara lain apabila mengadakan kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan sesebuah negara, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita tidak mahu mempengaruhi mereka... itu bukan cara kita," kata beliau kepada pemberita sebagai mengulas laporan sulit kerajaan Australia yang menyebut bahawa pengaruh Malaysia terhadap negara-negara Pasifik Selatan sedang berkembang memandangkan syarikat-syarikat balaknya memberi sokongan kepada sesetengah pemerintah wilayah manakala sesetengahnya lagi mengharapkan kepada Kuala Lumpur untuk menghalang pengaruh Australia.

Ketika ditemui selepas merasmikan Kongres Asean Kedua anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS) di sini hari ini, Abdullah berkata penglibatan Malaysia dalam bidang ekonomi di negara-negara Pasifik adalah terhad kepada pendekatan yang baik yang diterima oleh negara berkenaan.

Persidangan itu yang diadakan menjelang Mesyuarat Menteri Asean di sini Khamis ini, mengumpulkan cendekiawan, ahli fikir dan pegawai tinggi dari rantau ini untuk perbincangan selama tiga hari mengenai masa depan Asean.

"Penglibatan kita di sana (di Pasifik Selatan) ialah membuat apa yang seharusnya kita lakukan... jika pendekatan kita diterima, kenapa pula saya mesti dengar cakap golongan yang tidak bersetuju dengan mereka?" kata Abdullah.

Abdullah juga berkata hubungan ekonomi Malaysia dengan negara lain adalah berasaskan perhubungan politik yang baik.

Mengenai laporan sulit itu, beliau berkata beliau belum melihatnya. "Jika laporan itu dimaksudkan untuk kami, hantarlah satu salinan kepada kami," katanya.

Laporan 98 muka surat itu mendakwa, antara lain, bahawa kepentingan Malaysia dalam bidang pembalakan telah membantu pemimpin Kepulauan Solomon, Mamaloni untuk terus menjadi satu kuasa politik dan telah juga menyokong pemimpin Papua New Guinea.

Fiji juga telah berusaha merapatkan hubungan dengan Kuala Lumpur untuk menghalang penguasaan Australia di Pasifik Selatan, kata laporan itu yang diperolehi wartawan sebuah agensi berita dari atas meja sebuah hotel.

Laporan itu dikatakan telah disediakan oleh pegawai perbendaharaan Australia dengan bantuan daripada jabatan luar dan agensi keselamatan dan ia telah diklasifikasikan sebagai "AUSTERO" (untuk tatapan pihak berkenaan Australia sahaja), atau jauh lebih tinggi tarafnya daripada "rahsia penting."

Hubungan Malaysia dengan Australia dianggap telah pulih semula selepas peristiwa 1993 antara Canberra dan Kuala Lumpur apabila Perdana Menteri Australia ketika itu, Paul Keating, telah berkata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "keras kepala" kerana tidak menghadiri persidangan kemuncak pertama Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle. -- BERNAMA

MT JK NMO